

## **SOALAN LAZIM (FAQ) PELAN JANA SEMULA EKONOMI NEGARA (PENJANA)**

**INISIATIF 23 - SOKONGAN UNTUK MERINGANKAN BEBAN KEWANGAN PERNIAGAAN DENGAN OBJEKTIF MERINGANKAN TEKANAN KEWANGAN TERHADAP PERNIAGAAN MELALUI PENGHAPUSAN PENALTI YANG BERKAITAN DENGAN PEMBAYARAN CUKAI LEWAT. KERAJAAN BERSETUJU MEMBERIKAN REMISI PENALTI SEBANYAK 50% KEPADA SYARIKAT ATAU PENGILANG BERDAFTAR YANG LEWAT MEMBUAT PEMBAYARAN CUKAI JUALAN ATAU CUKAI PERKHIDMATAN BERMULA 1 JULAI 2020 HINGGA 30 SEPTEMBER 2020.**

**1. S : Apakah tempoh bercukai yang layak mendapat remisi penalti sebanyak 50%?**

J : Tempoh bercukai yang terlibat adalah tempoh bercukai yang berakhir Mei 2020, Jun 2020, Julai 2020 dan Ogos 2020 serta pembayaran dibuat dalam tempoh 90 hari dari tarikh akhir cukai sepatutnya dibayar.

Sebagai contoh, bagi tempoh bercukai berakhir Mei 2020, cukai sepatutnya dibayar sebelum akhir Jun 2020. Sekiranya cukai penuh dibayar dalam tempoh 90 hari dari tarikh akhir (sehingga 28 September 2020), remisi penalti 50% layak untuk diberikan. Namun begitu, jika cukai dibayar selepas 28 September 2020, tiada remisi penalti diberikan.

Sila lihat **Lampiran 1 : Jadual Kadar Penalti Selepas Remisi**

**2. S : Apakah syarat-syarat kelayakan untuk syarikat / pengilang berdaftar mendapat remisi penalti 50%?**

J :

1. Syarikat perlu mengikrar penyata SST-02 atau deklaras SST-02A dan membuat pembayaran cukai jualan atau cukai perkhidmatan atau cukai perkhidmatan yang diimport.
2. Bayaran penuh cukai dibuat dalam tempoh 90 hari selepas tarikh akhir bayaran.

**3. S : Bagaimanakah cara/mekanisme untuk memohon remisi penalti 50%?**

J : Permohonan remisi penalti di bawah inisiatif ini **TIDAK PERLU** dikemukakan kepada JKDM.

4. S : **Sebelum ini JKDM telah meluluskan remisi penalti sebanyak 100% ke atas kelewatan pembayaran cukai tapi dengan syarat cukai dibayar pada atau sebelum 30 Jun 2020. Adakah insentif PENJANA ini terpakai bagi mana-mana cukai yang belum dibayar selepas 30 Jun 2020 dan bagaimana pengiraan remisi ke atas penalti tersebut?**

J : Sebelum ini, JKDM telah memutuskan supaya penalti ke atas pembayaran bagi tempoh PKP adalah **diremit sepenuhnya** sekiranya pembayaran dibuat selewat-lewatnya pada 30 Jun 2020. Keputusan ini khusus untuk tempoh bercukai berakhir seperti berikut:

<b>Tempoh bercukai berakhir</b>	<b>Tarikh Akhir Mengemukakan Penyata dan Pembayaran Cukai</b>	<b>Pembayaran diterima sehingga 30 Jun 2020</b>
29 Februari 2020	31 Mac 2020	Penalti diremit sepenuhnya
31 Mac 2020	30 April 2020	Penalti diremit sepenuhnya
30 April 2020	31 Mei 2020	Penalti diremit sepenuhnya

JKDM memutuskan mana-mana cukai yang masih belum dibayar selepas 30 Jun 2020 adalah layak mendapat remisi penalti 50% tetapi dengan syarat ianya tidak melebihi 90 hari dari tarikh akhir bayaran cukai sepatutnya. Sebagai contoh, bagi tempoh bercukai berakhir April 2020, cukai sepatutnya dibayar sebelum akhir Mei 2020. Sekiranya cukai penuh dibayar dalam tempoh 90 hari dari tarikh akhir (sehingga 29 Ogos 2020), remisi penalti 50% layak untuk diberikan. Namun begitu, jika cukai dibayar selepas 29 Ogos 2020, tiada remisi penalti diberikan.

Pengiraan remisi penalti sepenuhnya dan remisi penalti 50% adalah seperti di **Lampiran 2 : Pengiraan Kadar Remisi Penalti Sebelum /Selepas 30 Jun 2020.**

5. S : **Adakah remisi ke atas penalti ini melibatkan cukai perkhidmatan digital yang lewat dibayar oleh orang berdaftar asing?**

J : Tidak. Pembayaran melalui penyata DST-02 tidak mendapat remisi penalti.

6. S : **Adakah remisi ke atas penalti ini melibatkan cukai pelancongan yang lewat dibayar oleh pengendali penginapan?**

J : Tidak.

**INISIATIF 32 – INSENTIF CUKAI UNTUK PEMBELIAN KERETA DENGAN OBJEKTIF UNTUK MERANCAKKAN SEMULA INDUSTRI AUTOMATIF NEGARA SERTA MENGURANGKAN BEBAN KEWANGAN. KERAJAAN BERSETUJU PENGECUALIAN CUKAI JUALAN SEBANYAK 100% KEATAS PENJUALAN KERETA PENUMPANG PEMASANGAN TEMPADAN DAN 50% BAGI KERETA PENUMPANG IMPORT.**

**A. PENGECUALIAN DARIPADA PEMBAYARAN CUKAI JUALAN**

**1. S : Bilakah tarikh atau tempoh kuatkuasa pengecualian ini?**

J : Tarikh berkuatkuasa pengecualian ini adalah mulai 15 Jun 2020 sehingga 31 Disember 2020, tertakluk kepada syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

**2. S : Apakah yang dimaksudkan dengan kereta penumpang?**

J : Semua jenis kereta penumpang termasuk MPV dan SUV (tidak termasuk van untuk tujuan perdagangan dan MPV 11 tempat duduk dan ke atas)

**3. S : Adakah kereta “window van” dan “pick-up” layak menikmati pengecualian ini?**

J : Tidak layak.

**4. S : Adakah kenderaan commercial seperti panel van, trucks, prime movers dan bas layak menikmati pengecualian ini?**

J : Tidak layak

**5. S : Siapakah yang layak untuk menuntut insentif ini?**

J : Hanya syarikat kategori di bawah sahaja yang layak menuntut insentif ini:  
i. Franchise Holder/ Distributor atau Dealer yang membeli dari syarikat pemasangan kereta tempatan (Pengilang Berdaftar);

ii. Pemegang AP Francais yang mengimport kereta CBU baharu

iii. Pemegang AP terbuka yang berdaftar sebagai ahli PEKEMA yang mengimport kereta CBU terpakai; dan

iv. Pihak lain yang mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan  
v.

**6. S : Adakah pemegang AP individu seperti pelajar layak bagi pengecualian cukai jualan ini?**

J : Tidak layak. Hanya 4 kategori syarikat seperti di soalan 5 sahaja yang layak untuk pengecualian cukai jualan ini.

**7. S : Tarikh kuatkuasa pengecualian ini merujuk kepada tarikh apa?**

J : Bagi kereta penumpang pemasangan tempatan tarikh kuatkuasa pengecualian cukai jualan adalah merujuk kepada tarikh invoice jualan oleh pengilang kepada pembeli samada Franchise holder/distributor ataupun dealer.

Bagi kereta CBU import tarikh kuatkuasa pengecualian adalah merujuk kepada tarikh dokumen pembayaran cukai jualan (Borang Kastam No.1)

Oleh yang demikian, invoice jualan dan Borang Kastam No.1 yang bertarikh 15 Jun 2020 hingga 31 Disember 2020 sahaja yang layak menikmati pengecualian ini.

**8. S : Sekiranya kereta CBU telah didaftarkan di dalam SMK sebelum 15 Jun 2020 tetapi cukai jualan dibayar selepas 15 Jun 2020, adakah kereta tersebut layak menikmati pengecualian ini?**

J : Ya, layak

**9. S : Bagaimanakah caranya untuk menikmati pengecualian ini dan adakah sebarang pengisytiharan dibuat atau surat rujukan pengecualian perlu dinyatakan?**

J : Rujukan Surat Kementerian Kewangan perlu dinyatakan untuk mendapat pengecualian cukai jualan:

i. Bagi kereta CKD pemasangan tempatan, invoice jualan yang dikeluarkan oleh pengilang kepada pembeli (Franchise holder/distributor/dealer) perlu menyatakan:

“Pengecualian cukai jualan 100% di bawah Seksyen 35(3) Akta Cukai Jualan 2018 mengikut surat MOF.TAX.700-2/3/36 Jld.3(12)”

ii. Bagi kereta CBU import baharu, Borang Kastam No.1 perlu menyatakan:

“Saya menuntut pengecualian cukai jualan 50% di bawah Seksyen 35(3) Akta Cukai Jualan 2018 mengikut surat MOF.TAX.700-2/3/36 Jld.3(12)”

iii. Bagi kereta CBU import terpakai, Borang Kastam No.1 perlu menyatakan:

“Saya menuntut pengecualian cukai jualan 50% di bawah Seksyen 35(3) Akta Cukai Jualan 2018 mengikut surat MOF.TAX.700-2/3/36 Jld.3(11)”.

**10. S : Bagaimana nilai pengecualian cukai jualan ditentukan?**

J : Nilai pengecualian cukai jualan dihitung berdasarkan peratus pengecualian (100% atau 50%) ke atas nilai sebenar cukai jualan yang dikenakan dan dilevikan terhadap nilai jualan selaras dengan Peraturan 4 hingga Peraturan 8 di bawah Peraturan-Peraturan Cukai Jualan (Penentuan Nilai Jualan Barang-Barang Bercukai) 2018.

**11. S : Bilakah tarikh akhir kereta yang mendapat pengecualian cukai jualan perlu didaftarkan?**

J : Kereta yang telah mendapat pengecualian cukai jualan hendaklah didaftarkan dalam tempoh mulai 15 Jun 2020 hingga 31 Januari 2021.

**12. S : Apakah tindakan yang perlu dibuat oleh syarikat jika kereta yang telah mendapat pengecualian cukai jualan yang tidak dapat didaftarkan sehingga 31 Januari 2021?**

J : Syarikat dikehendaki membayar semula amaun cukai jualan melalui borang SST-ADM ke pejabat kastam yang berhampiran.

**13. S : Siapakah yang perlu membayar semula cukai jualan tersebut?**

J : Syarikat yang membeli dari pengilang kereta (untuk kereta CKD pemasangan tempatan) dan syarikat yang membayar cukai jualan melalui borang Kastam 1

**14. S : Adakah sekatan jualan kereta penumpang kepada mana-mana pembeli bagi kereta yang mendapat pengecualian cukai jualan ini? (contoh: Agensi kerajaan, Syarikat GLC, bukan warganegara).**

J : Tiada sekatan jualan yang dikenakan

**15. S : Apakah maklumat yang perlu dihantar ke MOF untuk melayakkan pengecualian cukai jualan ini?**

J : Syarikat dikehendaki mengemukakan maklumat tertentu mengikut format dan masa yang ditetapkan. Sila rujuk kepada syarat-syarat kelulusan yang dinyatakan dalam surat MOF.TAX.700-2/3/36 Jld.3(11) dan MOF.TAX.700-2/3/36 Jld.3(12)

## **B PEMBAYARAN BALIK CUKAI JUALAN YANG TERLEBIH BAYAR**

**1. S : Adakah syarikat yang telah membayar cukai jualan sebelum tempoh pengecualian (15 Jun 2020 – 31 Disember 2020) layak menuntut bayaran balik cukai terlebih bayar?**

J : Cukai jualan ke atas kereta penumpang yang telah dibayar di antara 1 Januari 2020 hingga 14 Jun 2020 layak menuntut pulang balik cukai jualan dengan syarat:

a) Kereta tersebut didaftarkan dalam tempoh 15 Jun 2020 hingga 31 Januari 2020

b) Tuntutan pulang balik dibuat tidak lewat daripada 31 Mac 2021.

2. **S : Apakah dokumen yang perlu ada bagi membuktikan cukai jualan telah dibayar pada 1 Januari 2020 hingga 14 Jun 2020?**

J : Dokumen berikut perlu dibuktikan:

a) Invois jualan bagi kereta CKD pemasangan tempatan yang dikeluarkan oleh pengilang yang bertarikh 1 Januari 2020 hingga 14 Jun 2020 dan ada menunjukkan cukai jualan dikenakan.

b) Borang Kastam No.1 bagi kereta CBU import yang membuktikan cukai jualan telah dibayar dan bertarikh 1 Januari 2020 hingga 14 Jun 2020.

3. **S : Bagi kereta CKD pemasangan tempatan, apakah yang dimaksudkan cukai jualan telah dibayar dalam tempoh 1 Januari 2020 hingga 14 Jun 2020? Adakah ianya berdasarkan penyata SST-02?**

J : Bagi kereta CKD pemasangan tempatan, maksud cukai jualan telah dibayar adalah berdasarkan invois yang dikeluarkan oleh pengilang kepada pembeli (franchise holder/distributor/dealer) dan bukannya penyata SST-02.

4. **S : Adakah amaun tuntutan pulang balik akan dapat sepenuhnya?**

J : Amaun cukai jualan terlebih bayar yang layak dituntut pulang balik adalah tertakluk kepada surat pengesahan perbezaan harga OTR daripada MOF dan semakan lanjut oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).

5. **S : Bagi kereta penumpang CKD pemasangan tempatan yang dikeluarkan dari kilang pada tahun 2019 dan cukai jualan telah dibayar pada tahun 2019 serta belum terjual, adakah layak untuk menuntut pulang balik ini?**

J : Tidak. Hanya kereta penumpang CKD pemasangan tempatan yang cukai jaluannya telah dibayar mulai 1 Januari 2020 hingga 14 Jun 2020 sahaja layak membuat tuntutan pulang balik cukai jualan

6. **S : Bagi kereta penumpang CBU import yang telah berada di Malaysia sebelum tahun 2020, adakah tuntutan pulang balik cukai jualan layak dipertimbangkan sekiranya cukai jualan dibayar sebelum tahun 2020 sedangkan unit belum terjual?**

J : Tidak. Hanya kereta penumpang CBU import yang cukai jaluannya telah dibayar mulai 1 Januari 2020 hingga 14 Jun 2020 sahaja layak membuat tuntutan pulang balik cukai jualan.

**7. S : Siapakah yang layak membuat tuntutan pulang balik cukai jualan?**

J : Bagi kereta penumpang pemasangan tempatan, pembeli dari pengilang kereta yang layak membuat tuntutan pulang balik cukai jualan. Pembeli adalah orang yang membayar cukai jualan dan biasanya terdiri dari Franchise holder, Distributor ataupun Dealer.

Bagi kereta penumpang CBU import, pembayar cukai di dalam Borang Kastam no.1 yang layak membuat tuntutan pulang balik cukai jualan.

**8. S : Bilakah tarikh akhir kereta penumpang yang layak menuntut pulang balik cukai jualan perlu didaftarkan?**

J : Kereta penumpang yang layak menuntut pulang balik cukai jualan hendaklah didaftarkan dalam tempoh mulai 15 Jun 2020 hingga 31 Januari 2021. Kelulusan pulang balik akan dibatalkan sekiranya kereta tersebut tidak didaftarkan dalam tempoh yang ditetapkan.

**9. S : Bilakah tarikh akhir untuk membuat tuntutan pulang balik cukai jualan?**

J : Permohonan pulang balik cukai jualan hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Cukai, Kementerian Kewangan sebelum 31 Mac 2021

**10. S : Adakah syarikat perlu membuat tuntutan pulang balik cukai jualan secara bulanan ataupun dikumpul semuanya dan dihantar sebelum 31 Mac 2021?**

J : Syarikat dinasihatkan untuk mengemukakan tuntutan pulang balik cukai jualan secara bulanan.

**11. S : Sebagai seorang pengilang berdaftar, Delivery Order untuk penghantaran kereta kepada franchise holder dikeluarkan pada 1 Jun 2020 hingga 14 Jun 2020 tetapi invois dikeluarkan pada 30 Jun 2020. Adakah kereta tersebut layak untuk tuntutan pulang balik cukai jualan ataupun mendapat pengecualian cukai secara automatik?**

J : Kereta tersebut layak mendapat pengecualian cukai secara automatic kerana invois dikeluarkan dalam tempoh pengecualian iaitu dari 15 Jun 2020 hingga 31 Disember 2020.

## **C TUNTUTAN PULANG BALIK CUKAI JUALAN KEPADA JKDM**

**1. S : Siapakah yang akan membuat bayaran pulang balik cukai jualan kepada syarikat yang layak?**

J : Permohonan pulang balik cukai jualan hendaklah terlebih dahulu dikemukakan kepada MOF dengan menggunakan Lampiran B / Lampiran C. Surat pengesahan akan dikeluarkan oleh MOF bagi membolehkan syarikat menuntut pulang balik cukai jualan kepada JKDM.

**2. S : Apakah borang yang perlu digunakan untuk menuntut pulang balik cukai jualan kepada JKDM dan apakah dokumen-dokumen sokongan yang perlu disertakan?**

J : Permohonan pulang balik cukai jualan kepada JKDM mestilah menggunakan borang JKDM-2 dan dokumen sokongan adalah seperti berikut:

- a) Surat pengesahan daripada MOF
- b) Invois belian oleh Franchise holder/distributor/dealer dari pengilang (untuk kereta CKD)
- c) Borang Kastam 1 (untuk CBU import)
- d) Salinan geran kereta (untuk pengesahan kereta telah dijual)
- e) Salinan invois dari distributor/ dealer kepada pelanggan (untuk mengesahkan harga jualan adalah tidak termasuk cukai jualan).

**3. S : Bilakah tuntutan pulang balik cukai jualan perlu dikemukakan kepada JKDM dan kepada cawangan mana?**

J : Tuntutan pulang balik cukai jualan perlu dikemukakan dalam tempoh tiga bulan dari tarikh surat pengesahan yang dikeluarkan oleh MOF dan perlu dikemukakan ke Cawangan Perakaunan Hasil, pejabat kastam yang berhampiran dengan syarikat yang menuntut.

## **D UMUM**

**1. S : Sebagai seorang pengilang berdaftar, diruang manakah jualan yang mendapat pengecualian Menteri perlu dimasukkan di dalam borang SST-02?**

J : JKDM didalam proses untuk mewujudkan ruangan jualan yang dikecualikan cukai jualan di bawah Seksyen 35(3) Akta Cukai Jualan di dalam penyata SST-02. Buat masa ini syarikat dinasihatkan untuk memasukkan jualan yang mendapat pengecualian Menteri di ruangan 18(b)(1) iaitu di ruangan Jadual A.

**2. S : Adakah format laporan yang dihantar kepada MOF perlu juga dihantar kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia?**

J : Tidak perlu.



3. S : Adakah pengecualian di bawah butiran 3,4 dan 5 Jadual A, Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018 iaitu pengecualian yang diberikan kepada kerajaan dan kerajaan negeri masih lagi terpakai apabila pengecualian khas ini diluluskan?

J : Pengecualian di bawah butiran 3,4 dan 5 Jadual A, Perintah Cukai Jualan masih lagi terpakai bagi mana-mana orang yang layak.

**INISIATIF 35 – SOKONGAN SEKTOR PELANCONGAN DENGAN OBJEKTIF MEMBANTU SEKTOR PELANCONGAN YANG TERJEJAS AKIBAT COVID-19 MELALUI INSENTIF CUKAI. KERAJAAN BERSETUJU MEMBERI PENGECCUALIAN CUKAI PELANCONGAN MULAI 1 JULAI 2020 HINGGA 30 JUN 2021 DAN LANJUTAN PENGECCUALIAN CUKAI PERKHIDMATAN UNTUK PERHOTELAN SEHINGGA 30 JUN 2021**

1. S : **Bila tempoh pengecualian cukai pelancongan berkuat kuasa?**

J : Tempoh pengecualian cukai pelancongan berkuat kuasa bagi tempoh 1 Julai 2020 sehingga 30 Jun 2021.

2. S : **Adakah pengendali penginapan perlu memohon kelulusan untuk mendapatkan pengecualian dari pengenaan cukai pelancongan untuk tempoh berkenaan?**

J : Pengendali penginapan tidak perlu memohon kelulusan untuk mendapatkan pengecualian dari pengenaan cukai pelancongan.

3. S : **Adakah cukai pelancongan dikenakan bagi penginapan di mana pelancong asing mendaftar masuk pada 30 Jun 2020, jam 2 petang dan mendaftar keluar pada 1 Julai 2020, pada jam 11 pagi?**

J : Pelancong asing masih tertakluk kepada cukai pelancongan untuk tempoh berkenaan. cukai pelancongan diberi pengecualian untuk penginapan bermalam bagi pelancong asing yang berdaftar masuk mulai 1 Julai 2020.

4. S : **Adakah cukai pelancongan dikenakan bagi penginapan di mana pelancong asing mendaftar masuk pada 30 Jun 2021, jam 2 petang dan mendaftar keluar pada 3 Julai 2021, pada jam 11 pagi?**

J : Pelancong asing tidak tertakluk kepada cukai pelancongan untuk penginapan bermalam pada 30 Jun 2021. Bagaimanapun penginapan bermalam pelancong asing pada 1 dan 2 Julai 2021 adalah tertakluk kepada cukai pelancongan.

5. S : **Adakah penyata cukai TTx-03 perlu dikemukakan oleh pengendali penginapan berdaftar sepanjang tempoh pengecualian?**

J : Ya, pengendali penginapan perlu mengemukakan penyata cukai TTx-03 mengikut tempoh bercukai walaupun tiada cukai pelancongan yang dikenakan kepada pelancong asing. Pengendali penginapan juga perlu mengakaun dan membayar cukai pelancongan yang diterima dari pelancong asing untuk penginapan sebelum tempoh pengecualian atau mana-mana cukai pelancongan yang masih belum diterima daripada pelancong dalam tempoh dua belas bulan kalendar yang menjadi genap masa dalam tempoh bercukai.

**6. S : Adakah jumlah cukai pelancongan yang dikecualikan perlu dinyatakan dalam penyata TTx-03?**

J : Ruang 7 dalam TTx-03 hendaklah diisi dengan jumlah cukai untuk setiap malam setiap bilik yang tidak dikenakan cukai pelancongan (dikecualikan) kepada pelancong asing.

**7. S : Adakah pengendali penginapan perlu menyatakan pengecualian cukai pelancongan dalam invois?**

J : Invois yang dikeluarkan kepada pelancong asing berkaitan dengan pengenaan cukai pelancongan boleh dicatatkan sebagai "dikecualikan" atau "NIL" atau "RM0.00" untuk tempoh pengecualian.

**8. S : Apakah liabiliti pengendali penginapan yang baru beroperasi dalam tempoh pengecualian cukai pelancongan 1 Julai 2020 hingga 30 Jun 2021?**

J : Mana-mana pengendali penginapan baru yang beroperasi dalam tempoh berkenaan dikehendaki memohon untuk didaftarkan dalam tempoh 30 hari dari tarikh permulaan operasi dan tarikh kuatkuasa pendaftaran adalah pada hari pertama bulan berikutnya selepas tarikh permohonan dikemukakan

LAMPIRAN 1

JADUAL KADAR PENALTI SELEPAS REMISI DI BAWAH PELAN JANA SEMULA EKONOMI NEGARA (PENJANA)

TEMPOH BERCUKAI	TARIKH AKHIR BAYARAN (DUE DATE)	PEMBAYARAN CUKAI JUALAN DAN CUKAI PERKHIDMATAN				
		PENALTI DIREMIT 50%				
APRIL - MEI	30/6/2020		<b>1 Julai – 30 Julai</b>	<b>31 Julai – 29 Ogos</b>	<b>30 Ogos – 28 Sept.</b>	<b>29 Sept. – 28 Okt.</b>
		Kadar asal penalti	10%	25% (10% + 15%)	40% (10% + 15% + 15%)	40% (tiada remisi penalti kerana melebihi 90 hari)
		Kadar penalti selepas remisi	5%	12.5%	20%	
MEI - JUN	31/7/2020		<b>1 Ogos – 30 Ogos</b>	<b>31 Ogos – 29 Sept.</b>	<b>30 Sept. – 29 Okt.</b>	<b>30 Okt. – 28 Nov.</b>
		Kadar asal penalti	10%	25% (10% + 15%)	40% (10% + 15% + 15%)	40% (tiada remisi penalti kerana melebihi 90 hari)
		Kadar penalti selepas remisi	5%	12.5%	20%	
JUN - JULAI	31/8/2020		<b>1 Sept. – 30 Sept.</b>	<b>1 Okt. – 30 Okt.</b>	<b>31 Okt. – 29 Nov.</b>	<b>30 Nov. – 29 Dis.</b>
		Kadar asal penalti	10%	25% (10% + 15%)	40% (10% + 15% + 15%)	40% (tiada remisi penalti kerana melebihi 90 hari)
		Kadar penalti selepas remisi	5%	12.5%	20%	
JULAI - OGOS	30/9/2020		<b>1 Okt. – 30 Okt.</b>	<b>31 Okt. – 29 Nov.</b>	<b>30 Nov. – 29 Dis.</b>	<b>30 Dis. – 28 Jan.</b>
		Kadar asal penalti	10%	25% (10% + 15%)	40% (10% + 15% + 15%)	40% (tiada remisi penalti kerana melebihi 90 hari)
		Kadar penalti selepas remisi	5%	12.5%	20%	

**Nota:** penalti akan diremitkan sebanyak 50% tertakluk kepada 90 hari pertama selepas tarikh akhir bayaran sepatutnya (due date)

LAMPIRAN 2

JADUAL PENGIRAAN KADAR PENALTI SEBELUM/ SELEPAS 30 JUN 2020

TEMPOH BERCUKAI	TARIKH AKHIR BAYARAN (DUE DATE)		KADAR PENALTI SEBELUM/ SELEPAS 30 JUN 2020				
			1 Apr. – 30 Apr.	1 Mei – 30 Mei	31 Mei – 30 Jun	1 Julai – 29 Julai	30 Julai – 28 Ogos
JAN-FEB	31/3/2020						
		Kadar asal penalti	10%	25% (10%+15%)	40% (10%+15%+15%)	40%	40%
		Kadar penalti selepas remisi	0%	0%	0%	(tiada remisi penalti kerana melebihi 90 hari)	(tiada remisi penalti kerana melebihi 90 hari)
FEB-MAC	30/4/2020		1 Mei – 30 Mei	31 Mei – 30 Jun	1 Julai – 29 Julai	30 Julai – 28 Ogos	29 Ogos – 27 Sept.
		Kadar asal penalti	10%	25% (10%+15%)	40% (10%+15%+15%)	40%	40%
		Kadar penalti selepas remisi	0%	0%	20%	(tiada remisi penalti kerana melebihi 90 hari)	(tiada remisi penalti kerana melebihi 90 hari)
MAC-APRIL	31/5/2020		1 Jun – 30 Jun	1 Julai – 30 Julai	31 Julai – 29 Ogos	30 Ogos – 28 Sept	29 Sept. – 28 Okt.
		Kadar asal penalti	10%	25% (10%+15%)	40% (10%+15%+15%)	40%	40%
		Kadar penalti selepas remisi	0%	12.5%	20%	(tiada remisi penalti kerana melebihi 90 hari)	(tiada remisi penalti kerana melebihi 90 hari)

NOTA:

1. Pembayaran cukai bagi tempoh bercukai (**Januari – Februari**), (**Februari – Mac**) dan (**Mac – April**) yang dibuat sebelum dan pada 30 Jun 2020, penalti akan diremitkan sepenuhnya.
2. Baki pembayaran bagi tempoh bercukai (**Februari – Mac**) dan (**Mac – April**) yang dibuat selepas 30 Jun 2020, penalti akan diremitkan sebanyak 50% tertakluk kepada 90 hari pertama selepas tarikh akhir bayaran